

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
(KAPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.08.2017**

**Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) sehubungan dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengeluarkan pelbagai jenis makanan dari senarai barang makanan yang tidak dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), adakah perkara ini akan terus berlaku sehingga semua barang dan perkhidmatan dikenakan GST; dan

(b) apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menaikkan kadar GST selepas Pilihan Raya Umum ke14 dan apakah komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap kadar GST kini dan selepas Pilihan Raya Umum ke14.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, Kerajaan pada masa kini tiada perancangan untuk mengubah layanan semasa GST ke atas senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan. Pindaan ke atas senarai barang pada kadar 0% yang dibuat sebelum ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017 adalah bertujuan semata-mata untuk diselaraskan dengan perubahan kod tariff *Harmonised System (HS) 2017* yang telah dilaksanakan melalui Perintah Duti Kastam 2017. Pindaan susulan ke atas Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.2) 2017 yang diwartakan pada 6 Jun 2017 untuk berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017 telahpun dibatalkan pada 21 Jun 2017 dan dengan itu tiada isu berbangkit.

a. Berkenaan dengan kadar GST, Kerajaan belum bercadang untuk mengubah kadar standard GST 6%. Kadar tersebut ditetapkan setelah kajian yang terperinci dibuat untuk memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST tersebut adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini dimana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
- iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan
- iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.

## SOALAN ( 90 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 10 OGOS 2017  
[ KHAMIS ]  
DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG  
[RASAH]

**SOALAN :-**

**YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan secara terperinci:**

- (a) Mengapakah Kerajaan masih tidak lagi bercadang untuk memindahkan pusat memproses sisa pepejal berjadual Pusat Kualiti Alam di Bukit Nenas, Negeri Sembilan yang sering menyebabkan pencemaran udara; dan
- (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kilang memproses toksik berjadual ini tidak menggugat keselamatan dan kesihatan rakyat di Negeri Sembilan

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan sisa buangan terjadual (*scheduled waste*) adalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu dalam bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab menguruskan sisa buangan pepejal (*solid waste*) sepertimana yang dinyatakan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2017